

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang Dihormati,
Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini mengandungi maklumat penting mengenai Takaful Keluarga anda. Pelanggan lain telah membaca LPP ini dan mendapati ia berguna; **anda juga patut membacanya.**

LPP ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan berdasarkan lelaki sihat berumur 30 tahun yang tidak merokok.

1

Apakah Takaful ProAspire?

Tarikh: 12 Februari 2026

Takaful ProAspire menawarkan perlindungan Takaful dan simpanan sehingga 21 tahun. Ia membayar Manfaat Kematian atau Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK) sekaligus jika anda meninggal dunia atau mengalami HUKK semasa tempoh Sijil. Pelan ini juga menawarkan Manfaat Hilang Upaya Warga Emas (HUWE) dan Pulangan Tunai. Anda boleh memilih untuk melabur semula Pulangan Tunai anda atau menambah jumlah tambahan ke dalam Akaun Simpanan anda bagi tujuan simpanan. Apabila matang, peratusan Jumlah Perlindungan Asas dan nilai Akaun Pelaburan Peserta (APP), jika ada, akan dibayar sebagai Manfaat Matang.

Konsep Syariah dan jenis dana yang diguna pakai:

- Takaful** - Konsep saling membantu antara Peserta-Peserta untuk memberi caruman kepada Dana Risiko Peserta (DRP) bagi manfaat Takaful yang akan dibayar kepada Peserta-Peserta atau waris-waris mereka apabila berlakunya peristiwa yang telah dipersetujui.
- Wakalah** - Pelantikan wakil bagi menguruskan transaksi bagi pihak orang lain. Dalam kontrak Takaful ini, ia bermakna Kami akan menguruskan Sijil Takaful anda dengan mengenakan Yuran Wakalah pendahuluan kepada anda. Di samping itu, yuran prestasi akan dikenakan ke atas keuntungan pelaburan bagi APP dan Akaun Simpanan masing-masing.
- Tabarru'** - Jumlah wang yang dicarumkan oleh anda ke dalam DERP berdasarkan kontrak sumbangan.
- Qard** - Pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh Kami jika berlakunya defisit terhadap DERP. Pinjaman tersebut akan dibayar semula apabila DERP kembali kepada posisi lebihan.
- Hibah** - Kontrak hadiah yang diguna pakai dalam pengagihan lebihan daripada DERP kepada Peserta yang layak.
- Hibah Bersyarat** - Hadiah bersyarat di mana anda bersetuju untuk memindahkannya ke atas manfaat Takaful untuk dibayar kepada penama apabila anda meninggal dunia.
- Ju'alah** - Ganjaran diberikan kepada Kami berdasarkan prestasi DERP, di mana 50% daripada lebihan bersih (jika ada) akan dikongsi dengan Kami pada akhir setiap tahun kewangan.
- Dana Risiko Peserta (DRP)** - Akaun pegangan Peserta yang mana potongan *Tabarru'* akan dikreditkan untuk tujuan bantuan bersama yang akan digunakan untuk membantu Peserta-Peserta yang memerlukan.
- Akaun Pelaburan Peserta (APP)** - Akaun pegangan Peserta untuk Caruman, di mana pembahagian keuntungan pelaburan, jika ada, dan lebihan bersih daripada DERP. 90% daripada keuntungan pelaburan akan diberikan kepada anda dan 10% kepada Kami berdasarkan *Wakalah* (yuran prestasi).
- Akaun Simpanan** (jika berkenaan) - Akaun pegangan Peserta untuk tujuan simpanan atau pelaburan. 90% daripada keuntungan pelaburan akan diberikan kepada anda dan 10% kepada Kami berdasarkan *Wakalah* (yuran prestasi). Nilai Akaun Simpanan akan dibayar selepas penyerahan, kematangan atau penamatan Sijil Asas.

2

Kenali Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM75,500.00 tahunan, anda akan menerima perlindungan/manfaat Takaful Keluarga berikut:	
Manfaat Kematian / HUKK	RM500,000 dan nilai APP
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan (KAK)	RM1,000,000 dan nilai APP akibat kemalangan RM1,500,000 dan nilai APP akibat kemalangan ketika menunaikan Haji atau Umrah Hanya salah satu daripada manfaat di atas akan dibayar
Manfaat Hilang Upaya Warga Emas (HUWE)	RM500,000 dan nilai APP
Manfaat Pulangan Tunai (setiap 3 tahun)	Tahun 3, 6 & 9: RM50,000 Tahun 12: RM55,000 Tahun 15, 18, 21: RM60,000
Manfaat Matang	RM250,000 dan nilai APP
Manfaat Tambahan	KritikalCare Waiver Elite, Payor Benefit Plus
Nota: - Semua manfaat akan dibayar daripada DERP dan adalah dijamin, kecuali nilai APP dan Akaun Simpanan adalah tidak dijamin. - Sila minta daripada pengantara anda untuk mendapatkan contoh Sijil untuk senarai penuh terma dan syarat.	
Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Sijil/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Zurich Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).	
Takaful Keluarga anda dikecualikan: - Kematian - Jika disebabkan bunuh diri dalam tempoh 1 tahun, hanya nilai APP akan dibayar. - HUKK - Mencederakan diri sendiri semasa waras atau tidak waras. - Kematian Akibat Kemalangan - Melanggar atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang penangkapan.	
Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila merujuk Sijil Takaful bagi senarai penuh pengecualian di bawah pelan ini.	

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Takaful Keluarga anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1-300-888-622



Layari kami di
<https://zurich.com.my/proaspire>



E-mel kami di
callcentre@zurich.com.my

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Takaful Keluarga ini, anda mesti membayar caruman Takaful sebanyak:					
Caruman Berkala Asas		RM75,500.00 tahunan			
Caruman Tambah Nilai Berkala (Akaun Simpanan)		RM0.00 tahunan			
Tempoh: 21 tahun					
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:					
Yuran <i>Wakalah</i> yang perlu anda bayar ialah 12.62% atau RM200,075.00 daripada jumlah caruman Takaful sepanjang 21 tahun. Ia terdiri daripada 8.14% atau RM129,105.00 komisen kepada Perancang Kewangan.					
Yuran <i>Wakalah</i>	Tahun Sijil	Caruman Asas Berkala		Caruman Tambah Nilai Berkala	
		% daripada Caruman	Jumlah (RM)	% daripada Caruman	Jumlah (RM)
	1	65.00%	49,075.00	5.00%	0.00
	2	65.00%	49,075.00	5.00%	0.00
	3	55.00%	41,525.00	5.00%	0.00
	4	35.00%	26,425.00	5.00%	0.00
	5	25.00%	18,875.00	5.00%	0.00
	6	20.00%	15,100.00	5.00%	0.00
	7 & seterusnya	Tiada	0.00	5.00%	0.00
Komisen	Tahun Sijil	Caruman Asas Berkala		Caruman Tambah Nilai Berkala	
		% daripada Caruman	Jumlah (RM)	% daripada Caruman	Jumlah (RM)
	1	65.00%	49,075.00	3.75%	0.00
	2	40.00%	30,200.00	3.75%	0.00
	3	26.00%	19,630.00	3.75%	0.00
	4	20.00%	15,100.00	3.75%	0.00
	5	10.00%	7,550.00	3.75%	0.00
	6	10.00%	7,550.00	3.75%	0.00
	7 & seterusnya	Tiada	0.00	3.75%	0.00
Caj lain yang berkenaan	Tabarru' – ditolak secara bulanan sehingga Sijil ini matang. Tambah Nilai Bukan Berkala – yuran <i>Wakalah</i> ialah 5% daripada caruman. Ia terdiri daripada 3.75% komisen. Yuran Pengeluaran Separa – RM50 bagi setiap pengeluaran (tidak terpakai untuk Akaun Simpanan). Caj Serahan – 10% daripada nilai APP, terpakai untuk 3 Tahun Sijil pertama (tidak terpakai untuk Akaun Simpanan).				

4 Syarat-syarat Utama Lain

- Anda hendaklah mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan (jika ada) dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau Sijil ditamatkan.
- Caruman, kadar *Tabarru'* dan caj-caj lain adalah tidak dijamin. Caruman dan kadar *Tabarru'* adalah berdasarkan risiko biasa dan berbeza bergantung kepada keputusan pengunderaitan.
- Pembayaran caruman melebihi tempoh ihsan boleh mengakibatkan Sijil luput dan boleh menjejaskan pembayaran manfaat masa hadapan.
- Tempoh Ihsan: Bagi Tempoh Ihsan Perlindungan, anda mempunyai 31 hari dari APP menjadi tidak mencukupi untuk *Tabarru'* dan semua caj potongan lain untuk dilindungi dari kerugian yang berlaku. Manakala bagi Tempoh Ihsan Caruman, Anda mempunyai 50 hari dari tarikh bil untuk membayar semua caruman anda yang perlu dibayar. Jika caruman yang perlu dibayar tidak dibuat dalam tempoh ini, Sijil akan diteruskan secara automatik melalui Potongan *Tabarru'* Automatik daripada APP.
- Anda boleh melakukan pengeluaran separa daripada APP, dari awal Tahun Sijil Ke-4. Pengeluaran separa daripada Akaun Simpanan dibenarkan pada bila-bila masa.
- Keuntungan pelaburan daripada APP/Akaun Simpanan adalah tidak dijamin dan bergantung kepada prestasi dana yang sebenar.
- Lien Juvana akan diguna pakai untuk Manfaat Kematian/ HUKK sebelum mencapai umur 4 tahun.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk Sijil bagi senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat.

? Bolehkah saya membatalkan Sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan Sijil anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan Sijil anda dalam 15 hari selepas penghantaran Sijil kepada anda. Caruman yang telah dibuat (ditolak sebarang bayaran perubatan yang dikenakan) akan dipulangkan kepada anda.
- **Pembatalan/Penyerahan:** Selepas tempoh bertenang, anda boleh memberikan notis bertulis kepada Kami. Nilai Serahan Sijil adalah bersamaan dengan nilai APP, selepas ditolak sebarang jumlah tertunggak dan caj-caj yang berkenaan.

Zurich Takaful Malaysia Berhad [No. Pendaftaran 200601012246 (731996-H)] didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.